



**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR
PEPERIKSAAN AKHIR**

NAMA KURSUS : LATIHAN DAN PEMBANGUNAN
KOD KURSUS : DSM2153
PEPERIKSAAN : OKTOBER 2018
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
 - BAHAGIAN A (20 Markah)
 - BAHAGIAN B (50 Markah)
 - BAHAGIAN C (30 Markah)
 - i. Bahagian A mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.
 - ii. Bahagian B mengandungi **ENAM (6)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.
 - iii. Bahagian C mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU
KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 10 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN

BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab **SEMUA** di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Manakah antara berikut **tidak** menerangkan mengenai pendekatan program latihan?
 - A Latihan mental.
 - B Latihan inovatif.
 - C Latihan penyelesaian masalah.
 - D Program latihan ditentukan lebih awal.

2. Apakah tujuan program induksi atau orientasi pekerja baru?
 - A Memperbaiki imej pekerja agar diterima untuk bekerja dalam organisasi.
 - B Mengurus rayuan dan aduan pekerja, pertukaran pekerjaan atau tugas kakitangan.
 - C Mempertingkatkan kepuasan kerja pekerja dan berpeluang untuk kenaikan pangkat atau imbuhan.
 - D Memperkenalkan organisasi kepada kakitangan baru dan mengenalpasti kebolehan mereka supaya dapat disesuaikan dengan tugas masing-masing.

3. Berikut merupakan Teori Pembelajaran dalam latihan **kecuali**
 - A Teori Kognitif.
 - B Teori Humanistik.
 - C Teori Behaviorisme.
 - D Teori Awal dan Akhir.

4. Menurut pandangan Gagne pembelajaran akan berlaku apabila seseorang pelajar
 - A memahami kandungan melalui ulangan yang dapat mengukuhkan kemahiran.
 - B belajar dengan cara hafalan kerana mereka akan mengingat sesuatu perkara.
 - C menerima rangsangan melalui pancaindera seperti deria telinga, mata, hidung dan kulit.
 - D mengutamakan konsep ruang hidup yang ditentukan oleh persepsi diri individu itu sendiri.

5. Manakah antara berikut **tidak** menunjukkan skop jawatan sebagai jurulatih?
- A Pakar latihan.
 - B Penaja latihan.
 - C Penganalisis keperluan latihan.
 - D Penyelaras latihan, pentadbir latihan dan ketua eksekutif.
6. Jurulatih dianggap sebagai seorang yang professional dan perlu mempunyai asas yang berikut **kecuali**
- A misi.
 - B etika kerja.
 - C kecekapan.
 - D kewangan yang kukuh.
7. Apakah yang dimaksudkan dengan Model Semantik?
- A Menggunakan percakapan atau metafora.
 - B Berkait rapat dengan sistem fizikal dan sains fizikal.
 - C Kaedah genetik yang menggunakan teknik analisis laluan.
 - D Menggunakan kaedah matematik untuk menyelesaikan masalah pengukuran dan penilaian.
8. Analisis keperluan latihan merupakan satu pendekatan sistematik untuk mengenalpasti keperluan latihan bagi pekerja tertentu. Berikut merupakan tiga analisis yang perlu dilakukan **kecuali**
- A analisis tugas.
 - B analisis pekerja.
 - C analisis pelaburan.
 - D analisis organisasi.

9. Apakah yang dimaksudkan dengan objektif?
- A Satu proses mengenal pasti kakitangan atau pekerja yang memerlukan latihan serta bidang latihan yang diperlukannya.
 - B Usaha yang dilakukan secara terancang dan sistematik untuk membangunkan pengetahuan, pembelajaran dan kemahiran pekerja.
 - C Satu usaha mengaplikasikan pengetahuan kemahiran dan sikap yang dipelajari semasa latihan kepada pekerjaan yang sebenar dan ianya dikekalkan dalam satu tempoh tertentu.
 - D Kenyataan mengenai perkara yang patut disempurnakan hasil daripada sesuatu program atau aktiviti yang mana akan memudahkan penilaian ke atas pembelajaran dan aktiviti latihan dan kesan terhasil melalui prestasi yang ditunjukkan oleh pelatih.
10. Berikut merupakan komponen yang perlu ada dalam penulisan objektif **kecuali**
- A piawai.
 - B prestasi.
 - C masalah.
 - D keadaan.
11. Manakah antara berikut **tidak** menerangkan mengenai piawai?
- A Piawai haruslah dibentuk selepas tamat sesi latihan.
 - B Piawai menjelaskan kriteria untuk menilai sejauhmana pelatih patut membuat sesuatu tugas atau prestasi.
 - C Dapat dinyatakan dengan menggunakan ukuran kualiti, kuantiti dan had masa atau kadar kelajuan.
 - D Penetapan piawai hendaklah munasabah, sesuatu yang dapat dicapai dan bersesuaian dengan keperluan sesuatu kerja.
12. Ruang pertama yang perlu ada di dalam pembentukan kandungan latihan ialah
- A masa.
 - B sukatan pelajaran.
 - C kegiatan pembelajaran.
 - D kakitangan, bahan dan peralatan.

13. Berikut merupakan contoh yang boleh dilakukan dalam teknik lakon peranan **kecuali**
- A syarahan.
 - B temu bual.
 - C mengendalikan mesyuarat.
 - D menyelesaikan aduan pelanggan.
14. Apakah teknik simulasi?
- A Satu kegiatan pembelajaran yang mengajuk situasi sebenar.
 - B Pelatih dikehendaki mengkaji kes atau sejarah yang telah berlaku di sesuatu tempat.
 - C Teknik yang melibatkan perbincangan oleh sekumpulan pelatih tentang sesuatu isu.
 - D Kaedah syarahan di mana pelatih akan diberikan masa selama 30 minit untuk bercakap di khalayak ramai.
15. Berikut merupakan perkara yang perlu dipertimbangkan dalam pembentukan polisi latihan **kecuali**
- A saiz organisasi.
 - B keadaan persekitaran.
 - C objektif dan aktiviti utama organisasi.
 - D bilangan pekerja yang akan bersara dari organisasi.
16. Siapakah pihak yang bertanggungjawab untuk memberitahu peserta secara rasmi bahawa dia telah terpilih untuk menghadiri kursus latihan?
- A Jurulatih.
 - B Rakan sekerja.
 - C Pihak penganjur.
 - D Kesatuan sekerja.

17. Manakah antara berikut merupakan perkara pertama yang harus diberi tumpuan oleh pengurus pusat latihan?
- A Pengawasan.
 - B Perancangan.
 - C Penyusunan struktur organisasi.
 - D Pengurusan dan pembangunan personel.
18. Berikut merupakan sumber pusat latihan yang perlu diurus dengan cekap **kecuali**
- A modal.
 - B peralatan.
 - C laporan media.
 - D sumber manusia.
19. Apakah yang dimaksudkan dengan tindakan susulan?
- A Penglibatan penyelia dengan pelatih sebelum sesuatu program latihan dilaksanakan.
 - B Tindakan yang dilaksanakan oleh jurulatih atau penyelia pelatih setelah pelatih kembali ke tempat kerja.
 - C Satu sesi latihan yang perlu diteliti supaya hasil pembelajaran dihentikan sebaik sahaja pelatih mencapai tahap pembelajaran yang optimum.
 - D Sebelum sesi latihan bermula, pelatih diminta untuk berjanji kepada diri sendiri terhadap pelbagai perubahan yang akan dilaksanakannya selepas kembali ke tempat kerja.

20. Manakah antara berikut yang menunjukkan kesan pemindahan latihan yang neutral kepada pelatih?
- A Pelatih akan melupakan kemahiran lama untuk membolehkannya belajar kemahiran baru.
 - B Pembelajaran yang berlaku disesuatu tempat akan memudahkan pembelajaran di tempat lain.
 - C Pengalaman lalu yang dimiliki peserta tidak memberi sebarang kesan kepada apa-apa yang akan dipelajarinya.
 - D Pemindahan jenis ini wujud apabila pelatih telah mempelajari sesuatu kemahiran baru yang menyukarkannya.

[20 MARKAH]

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **ENAM (6)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a) Senaraikan **empat (4)** manfaat latihan kepada organisasi.

(4 markah)

b) Senaraikan **empat (4)** skim yang ditawarkan oleh *Human Resource Development Fund (HRDF)* dalam pembangunan program latihan di Malaysia.

(4 markah)

SOALAN 2

Etika kerja bertujuan untuk mengawal tingkah laku pengamal agar sesuai dengan keperluan dan harapan peserta. Nyatakan **enam (6)** etika kerja sebagai jurulatih.

(6 markah)

SOALAN 3

Jurulatih memainkan peranan penting dalam memilih teknik latihan kerana teknik latihan yang tidak berasaskan kriteria akan memberi impak yang negatif. Huraikan **tiga (3)** sebab jurulatih gagal dalam memilih teknik latihan yang sesuai dengan pelatih.

(6 markah)

SOALAN 4

a) Berikan takrif pemindahan latihan.

(4 markah)

b) Jelaskan enam (6) masalah yang menjadi penghalang kepada pemindahan latihan.

(12 markah)

SOALAN 5

Senaraikan empat (4) tahap pembelajaran yang berlaku dalam penilaian latihan mengikut pendekatan Kirkpatrick.

(4 markah)

SOALAN 6

Model Perubahan Kurt Lewin merupakan salah satu model perubahan terancang yang terawal. Lukis Model Kurt Lewin dan huraikan setiap perubahan.

(10 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Puan Inara bercadang untuk mengadakan latihan kepada pekerjaanya dalam bentuk syarahan pada minggu hadapan. Walaubagaimanapun beliau perlu mengkaji keberkesanan teknik ini terhadap pekerjaanya. Bantu Puan Inara menghuraikan **tiga (3)** kebaikan teknik syarahan.

(6 markah)

SOALAN 2

Anda telah dilantik sebagai penyelia untuk mengendalikan Kursus Pengajaran dalam kalangan pensyarah baru di Sekolah Pengurusan dan Sains Sosial KYPJ. Selaku penyelia yang bertindak untuk mengurus pelaksanaan program latihan, bincangkan **tiga (3)** persediaan sebelum kursus bagi mengelakkan berlakunya sebarang kesilapan.

(9 markah)

SOALAN 3

Pembangunan kerjaya adalah satu proses berterusan yang melibatkan pergerakan individu melalui beberapa peringkat kehidupan dan setiap satu peringkat mempunyai isu, tema dan tugasnya yang tersendiri. Bincangkan secara ringkas **lima (5)** peringkat dalam pembangunan kerjaya.

(15 markah)

[30 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

